

Penduduk terdedah risiko ragut

13/4 13/6/12 MS 4.

Pusat Perniagaan Adenium kosong, sunyi bimbangkan penduduk berjoging

●MD FUZI ABD LATEH | BERITA HARIAN

Oleh Md Fuzi Abd Lateh
mdfuzi@bharian.com.my

BUKIT BERUNTUNG: Penduduk Perumahan Taman Adenium dekat sini, sentiasa terdedah risiko kejadian ragut dan samun ketika memilih aktiviti berjoging awal pagi setiap hari sekitar premis perniagaan kosong di kawasan Pusat Perniagaan Adenium.

Tinjauan mendapati beberapa jalan yang sunyi sekitar kawasan itu mengundang bahaya kepada kaum wanita yang sering berjoging di awal pagi.

Seorang mangsa ragut, Sharifah Rodhiah Syed Nong Chik, 47 berkata, beliau menjadi trauma dan serik untuk berjoging sekitar Jalan Adenium 2G di sini apabila diragut enam pemuda berumur 20 hingga 30 tahun pada 29 Mei lalu.

Katanya, beliau kerugian RM5,000 apabila peragut melarikan rantai dan gelang tangan emas yang dipakainya sewaktu berjoging awal pagi hari kejadian.

Beliau berkata, kawasan yang sunyi itu lokasi strategik penjenayah melancarkan kegiatan meragut mangsa di taman ini.

"Saya nasihatkan rakan lain melakukan riadah berjoging secara berkumpulan agar mengurangkan risiko kegiatan jenayah berleluasa di kawasan ini.

"Beberapa jalan di kawasan premis perniagaan ini yang masih belum digunakan sunyi dan bahaya kepada kaum wanita yang berjoging bersama rakan dan jiran mereka," katanya kepada *Sentral* di sini semalam.

Katanya, penduduk berharap kawasan perumahan mereka perlu sentiasa



KAWASAN sunyi Pusat Perniagaan Adenium berbahaya kepada penduduk yang berjoging awal pagi.



Beberapa jalan di kawasan premis perniagaan ini yang masih belum digunakan sunyi dan bahaya kepada kaum wanita yang berjoging bersama rakan dan jiran mereka

**Sharifah Rodhiah
Syed Nong Chik**

Mangsa ragut

diawasi anggota polis mengawal keselamatan mereka sepanjang masa.

Jirannya, Siti Norhasmida Abdullah, 64, berkata walaupun terdapat

pengawal keselamatan menjalankan tugas 24 jam dalam kawasan pusat perniagaan itu, namun kegiatan jenayah masih berlaku.

Katanya, penjenayah bijak menggunakan kesempatan menyamun wanita yang memilih aktiviti berjoging bersama rakan setiap awal pagi.

"Kami tidak berdaya melawan penjenayah yang berani membawa senjata parang panjang dan pisau rambo menyamun dekat kawasan ini.

"Saya berharap persatuan penduduk bergerak aktif menghidupkan unit kawalan dan rondaan di taman ini dari semasa ke semasa," katanya.

Peniaga, Hambali Izzat Mustafa,

43, berkata, pembangunan pusat perniagaan itu mengundang masalah jenayah sekiranya penduduk sentiasa cuai dan leka setiap masa.

Katanya, kemungkinan gelagat dan aktiviti kaum wanita berjoging sentiasa diperhatikan penjenayah untuk menjalankan kegiatan itu.

"Saya berpendapat, ketika kaum wanita berjoging perlu ada pengawasan kaum lelaki dengan menunggang motosikal mengelilingi kawasan taman ini agar hindar kegiatan jenayah ragut.

"Kami bimbang berlaku kegiatan lain seperti penculikan, pecah rumah dan pukau sekiranya tidak diawasi sepenuhnya pihak bertanggungjawab," katanya.